

18/08/2004

Dr Mahathir harap saintis tidak abai etika

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap saintis Malaysia tidak melupakan etika ketika melakukan penyelidikan berasaskan sains walaupun ia bertujuan mengukuhkan pertahanan negara termasuk menghasilkan senjata pemusnah.

Beliau mahu saintis negara memberi lebih perhatian dalam penyelidikan untuk pembangunan manusia sejagat kerana banyak wang sudah dilaburkan untuk tujuan itu terutama bagi merawat pelbagai jenis penyakit.

"Saya berharap Malaysia dapat menyuntik etika di dalam sains ini, malah dalam membina senjata pemusnah sekali pun. Kalau boleh perkara itu (pembinaan senjata) perlu dielak.

"Pada masa ini, kita mempunyai harta intelek (IP) yang dikembangkan oleh pelbagai pertubuhan yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), misalnya penemuan ubatan bagi melewati kesan penyakit Aids.

"Tetapi malangnya, pihak yang menjalankannya (R&D) mengeluarkan wang itu dengan tujuan mendapatkan kembali wang mereka (keuntungan) sehingga membiarkan orang lain mati dan tidak peduli. Ini adalah sesuatu yang tidak beretika langsung.

"Mereka yang berpendidikan tinggi dan dihantar untuk belajar di luar negara oleh kerajaan juga adalah IP, termasuk saintis kita. Bagaimanapun, mereka tidak mahu pulang kerana kita tidak menawarkan gaji lumayan seperti negara maju.

"Mereka (negara maju) dianggap mencuri IP kita dan mereka ini sepatutnya membayar royalti kepada kita," katanya dengan nada berseloroh pada Malam Penghargaan dan Pelancaran Anugerah Kecemerlangan Saintifik sebagai mengenang jasa Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Komuniti Saintifik Malaysia di sini, malam tadi.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, negara tidak dapat memaksa dunia khususnya negara maju untuk membayar royalti kerana 'mencuri' saintis dari negara membangun.

(END)